



**PANDUAN DAN SYARAT  
PERMOHONAN  
PERAKUAN PERSONEL PENILAIAN DAN VERIFIKASI (PPV)  
SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA  
(SPKM)**

JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA MALAYSIA  
2018

<b>KANDUNGAN</b>	<b>HALAMAN</b>
Kandungan	2
Senarai Lampiran	2
Senarai Jadual	2
Senarai Kependekan	3
Tafsiran	4
1.0 Pendahuluan	5
2.0 Latar Belakang	5
3.0 Personel Penilaian dan Verifikasi (PPV)	5
3.1 Syarat-syarat Perakuan	7
3.1.1 PPL-SLaPB	7
3.1.2 PPL-SLDN	8
3.1.3 PP-PPT	9
3.1.4 PPL-PPT	10
4.0 Prosedur Permohonan	11
4.1 Secara Online	11
4.2 Kategori Permohonan	11
4.3 Permohonan Perakuan Personel Baharu, Tambah Perakuan dan Tambah Program	12
4.3.1 PPL-SLaPB	12
4.3.2 PPL-SLDN	13
4.3.3 PP-PPT	13
4.4.4 PPL-PPT	14
4.4 Permohonan Pembaharuan	15
4.4.1 Penilaian Pembaharuan	15
5.0 Kelulusan	15
6.0 Penggantungan dan Pembatalan	16
7.0 Tarikh Kuat Kuasa	16
 <b>SENARAI LAMPIRAN</b>	
Lampiran 1 : Kelayakan Kemahiran Lain Yang Diiktiraf	17
Lampiran 2 : Borang Pengesahan dan Kebenaran Majikan	18
Lampiran 3 : Borang Akuan (Pemilik Syarikat)	18
Lampiran 4 : Borang Akuan (Pengesahan Pengalaman)	20
 <b>SENARAI JADUAL</b>	
Jadual 1 : Syarat tambahan pembaharuan perakuan	14
Jadual 2 : Kelayakan Kemahiran lain yang diiktiraf	16

## SENARAI KEPENDEKAN

DKM	Diploma Kemahiran Malaysia
DLKM	Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia
DSE	<i>Dual System Expert</i> (Pakar Sistem Dual)
ILB	<i>Industrial Lead Body</i>
JPK / (DSD)	Jabatan Pembangunan Kemahiran / ( <i>Department Of Skills Development</i> )
KPPK	Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran
MoTAC	<i>Ministry of Tourism and Culture</i>
NDT	<i>Non Destructive Test</i> (Ujian Tanpa Musnah)
NDT-E	<i>Non-Destructive Testing Examiner</i>
NDT-S	<i>Non Destructive Testing Instructor</i>
PB	Pusat Bertauliah
PB SLDN	Pusat Bertauliah Sistem Latihan Dual Nasional
PPL-PPT	Pegawai Pengesah Luaran – Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu
PPL-SLaPB	Pegawai Pengesah Luaran Sistem Latihan Program Bertauliah
PP-PPT	Pegawai Penilai – Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu
PPT	Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu
PPV	Personel Penilaian dan Verifikasi
SLDN	Sistem Latihan Dual Nasional
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
SKPK / NOSS	Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan / <i>National Occupational Skills Standard</i>
SPKM	Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia
SLaPB	Sistem Latihan Program Bertauliah
VTO	<i>Vocational Training Operation</i>
VTE	<i>Vocational Education &amp; Training Implementation</i>
VTM	<i>Vocational Education &amp; Training Management</i>

## TAFSIRAN

Dalam Panduan ini, tafsiran yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- a. "Badan Profesional" ertinya pertubuhan atau persatuan atau organisasi yang mewakili sesuatu bidang atau profesion yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia;
- b. "Industri" ertinya apa-apa aktiviti ekonomi termasuklah aktiviti pengilangan, pertanian dan perkhidmatan;
- c. "Jabatan" ertinya Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia;
- d. "Kemahiran" ertinya suatu kebolehan yang diperoleh dan diamalkan untuk menjalankan sesuatu tugas atau kerja dengan cekap;
- e. "Ketua Pengarah" ertinya mana-mana pegawai awam yang dilantik sebagai Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran di bawah Seksyen 17 [Akta 652];
- f. "Kursus Induksi Pentauliahan Persijilan Kemahiran Malaysia" ertinya Kursus Induksi Pegawai Penilai-Pegawai Pengesah Dalaman-Pengurus Pusat Bertauliahan (PP-PPD-PPB), Kursus Induksi Pegawai Pengesah Luaran (PPL) dan Kursus Induksi Pegawai Penilai-Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PP-PPT);
- g. "Personel Penilaian dan Verifikasi" ertinya individu yang berpengetahuan, berkemahiran dan berpengalaman luas dalam bidang berkaitan serta diperku oleh Ketua Pengarah untuk menjalankan Penilaian dan Verifikasi Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM);
- h. "Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)" ertinya satu kaedah untuk memberi pengiktirafan kepada mana-mana individu yang boleh membuktikan keterampilan yang digariskan di dalam NOSS berdasarkan kepada pengalaman dan pencapaian terdahulu yang dimiliki;
- i. "Program" ertinya mana-mana satu tajuk pekerjaan untuk satu tahap yang ditetapkan dalam daftar standard;
- j. "Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia" ertinya polisi, mekanisme standard dan tatacara yang terlibat dalam penganugerahan suatu sijil oleh Ketua Pengarah;
- k. "Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK)/ *National Occupational Skill Standard (NOSS)*" ertinya satu dokumen yang mengariskan keterampilan yang perlu dimiliki oleh seseorang pekerja dalam sesuatu bidang pekerjaan serta laluan untuk mencapai keterampilan tersebut;
- l. "Verifikasi" ertinya suatu proses semakan untuk menentusahkan penilaian yang dilaksanakan dibawah SPKM.

## **1.0 PENDAHULUAN**

Panduan dan Syarat Permohonan Perakuan Personel Penilaian dan Verifikasi (PPV) Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) (selepas ini dirujuk sebagai “Panduan ini”) bertujuan menetapkan syarat dan mekanisma permohonan personel yang ingin diperakukan sebagai Personel Penilaian dan Verifikasi (PPV) di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM).

Panduan ini hendaklah dirujuk bersama Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652] dan panduan-panduan berkaitan Persijilan Kemahiran Malaysia yang sedang berkuatkuasa.

## **2.0 LATAR BELAKANG**


Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) merupakan agensi yang memainkan peranan utama dalam pembangunan dan pelaksanaan latihan kemahiran di Malaysia. Tujuan pembangunan direktori personel ini adalah untuk memastikan jabatan mempunyai personel yang berkelayakan dan bertanggungjawab dalam menjamin kualiti pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) memenuhi Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) dan keperluan industri.

Panduan ini hanya menerangkan Panduan dan Syarat Permohonan Perakuan Personel Penilaian dan Verifikasi (PPV) Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM).

## **3.0 PERSONEL PENILAIAN DAN VERIFIKASI**

Personel Penilaian dan Verifikasi (PPV) adalah individu yang diperaku oleh Ketua Pengarah untuk menjalankan Penilaian dan Verifikasi Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) serta mempunyai pengetahuan dan kemahiran dan berpengalaman luas dalam bidang yang diceburi. Personel ini juga berperanan dalam jaminan mutu pelaksanaan SPKM dan penugasan tertakluk kepada keperluan JPK.

Rajah 1 menunjukkan struktur Personel Penilaian dan Verifikasi (PPV) bagi Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM).



Rajah 1: Struktur Personel Penilaian dan Verifikasi (PPV)

Personel Penilaian dan Verifikasi (PPV) Jabatan Pembangunan Kemahiran ini adalah terdiri daripada;

- i. Pegawai Pengesah Luaran Sistem Latihan Program Bertauliahan (PPL-SLaPB);
- ii. Pegawai Pengesah Luaran Sistem Latihan Dual Nasional (PPL-SLDN)
- iii. Pegawai Penilai Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PP-PPT);
- iv. Pegawai Pengesah Luaran Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPL-PPT);

### **3.1 SYARAT-SYARAT PERAKUAN**

Pemohon hendaklah memenuhi semua syarat perakuan yang disenaraikan di bawah untuk diperakukan sebagai Personel Penilaian dan Verifikasi.

#### **3.1.1 Pegawai Pengesah Luaran Sistem Latihan Program Bertauliahan (PPL-SLaPB)**

PPL-SLaPB merupakan seseorang personel yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan dan diberi kuasa oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran (KPPK) untuk melaksanakan verifikasi luaran dan penilaian di Pusat Bertauliahan.

Peranan dan tanggungjawab PPL-SLaPB termasuklah:

- i. Membuat lawatan, menyemak dan mengesahkan semua dokumen penilaian yang berkaitan bagi Sistem Latihan Program Bertauliahan (SLaPB);
- ii. Memberi khidmat nasihat berkaitan pelaksanaan penilaian; dan
- iii. Menyediakan Laporan Pegawai Pengesah Luaran berkenaan perkara-perkara yang diperuntukkan dalam melaksanakan aktiviti verifikasi luaran memenuhi kriteria kemahiran yang ditetapkan bagi Sistem Latihan Program Bertauliahan (SLaPB) kepada JPK.

Syarat perakuan sebagai PPL-SLaPB adalah seperti berikut:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurang 10 tahun dalam bidang kemahiran yang dimohon;
- iii. Lulus Kursus Induksi PP-PPD-PPB;
- iv. Lulus Kursus Induksi PPL; dan
- v. Memiliki kelayakan kemahiran berikut bagi bidang yang ingin dimohon ;
  - a. SKM 1,2,3 - Memiliki sekurang-kurangnya SKM Tahap 3 dalam bidang yang dimohon
  - b. DKM - Memiliki sekurang-kurangnya DKM/ Diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan dalam bidang dimohon
  - c. DLKM - Memiliki sekurang-kurangnya DLKM/ Ijazah yang diiktiraf oleh Kerajaan dalam bidang dimohon
- vi. Pemohon yang memohon program berkaitan Operasi Latihan Vokasional (VTO, VTE dan VTM) hendaklah memenuhi syarat tambahan berikut ;
  - a. *Vocational Training Operation (VTO)* - Memiliki SKM program VTO; dan memiliki salah satu kelayakan berikut iaitu mempunyai pengalaman mengajar program VTO melebihi dua (2) tahun atau mengajar mana-mana bidang kemahiran di PB JPK melebihi lima (5) tahun.

- b. *Vocational Education & Training Implementation* (VTE) - Memiliki DKM dalam program VTE; dan memiliki salah satu kelayakan berikut iaitu mempunyai pengalaman mengajar program VTE melebihi dua (2) tahun atau menyelia dan mengurus program kemahiran di PB JPK melebihi lima (5) tahun.
- c. *Vocational Education & Training Management* (VTM) - Memiliki DLKM dalam program VTM; dan memiliki salah satu kelayakan berikut iaitu mempunyai pengalaman mengajar program VTM melebihi dua (2) tahun atau menyelia dan mengurus program kemahiran di PB JPK melebihi lima (5) tahun.

### 3.1.2 Pegawai Pengesah Luaran Sistem Latihan Dual Nasional (PPL-SLDN)

Pegawai Pengesah Luaran Sistem Latihan Dual Nasional (PPL-SLDN) merupakan personel yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan dan diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk melaksanakan verifikasi luaran di tempat kerja/ Pusat Bertauliah.

Peranan dan tanggungjawab PPL-SLDN termasuklah:

- i. Memantau pelaksanaan Peperiksaan Akhir;
- ii. Memberi khidmat nasihat berkaitan pelaksanaan penilaian;
- iii. Menyediakan Laporan Pegawai Pengesah Luaran (JPK/SLDN/VL01);
- iv. Menyemak dan mengesah Buku Log; dan
- v. Menyemak dan mengesahkan semua dokumen penilaian yang berkaitan.

Syarat perakuan sebagai PPL-SLDN adalah seperti berikut:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurang **10 tahun** dalam bidang kemahiran yang dimohon;
- iii. Hadir Kursus Induksi SLDN;
- iv. Lulus Kursus Induksi PPL; dan
- v. Memiliki kelayakan kemahiran berikut bagi program yang dimohon :
  - a. SKM 1,2,3 - Memiliki sekurang-kurangnya SKM Tahap 3 dalam bidang dimohon.
  - b. DKM - Memiliki sekurang-kurangnya DKM atau Diploma yang diiktiraf Kerajaan berkaitan dengan bidang dimohon.
  - c. DLKM - Memiliki sekurang-kurangnya DLKM atau Ijazah yang diiktiraf Kerajaan berkaitan dengan bidang dimohon.

### 3.1.3 Pegawai Penilai Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PP- PPT)

Pegawai Penilai Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PP- PPT) merupakan personel yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan dan diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk menilai pengalaman dan pencapaian terdahulu yang dimiliki oleh calon.

Peranan dan tanggungjawab PP-PPT termasuklah:

- i. Menilai ketrampilan berdasarkan pengalaman, pengiktirafan dan pencapaian terdahulu calon PPT dengan bukti-bukti keterampilan yang sah, kebolehpercayaan dan mencukupi sebelum dibuat verifikasi bagi tujuan persijilan.
- ii. Menjalankan sesi kaunseling bagi membimbing dan membantu calon bagi mengenalpasti dan menyediakan bukti-bukti keterampilan berdasarkan pengalaman terdahulu yang dimiliki oleh calon.

Syarat perakuan sebagai PP-PPT adalah seperti berikut:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurang 10 **tahun** dalam bidang kemahiran yang dimohon (mestilah bidang yang sama);
- iii. Lulus Kursus Induksi PP-PPT; dan
- iv. Memiliki kelayakan kemahiran berikut bagi program yang dimohon:
  - a. SKM 1,2,3 - Memiliki SKM dalam program yang dimohon.
  - b. DKM\* - Memiliki DKM dalam program yang dimohon.
  - c. DLKM\* - Memiliki DLKM dalam program yang dimohon.  
Nota : \* Berada pada peringkat penyeliaan/ pengurusan/ professional bagi program Tahap 4 dan Tahap 5;
- vii. Pemohon yang memohon program berkaitan Operasi Latihan Vokasional (VTO, VTE dan VTM) hendaklah memenuhi syarat tambahan berikut ;
  - a. *Vocational Training Operation (VTO)* - Memiliki SKM program VTO; dan memiliki salah satu kelayakan berikut iaitu mempunyai pengalaman mengajar program VTO melebihi dua (2) tahun atau mengajar mana-mana bidang kemahiran di PB JPK melebihi lima (5) tahun.
  - b. *Vocational Education & Training Implementation (VTE)* - Memiliki DKM dalam program VTE; dan memiliki salah satu kelayakan berikut iaitu mempunyai pengalaman mengajar program VTE melebihi dua (2) tahun atau menyelia dan mengurus program kemahiran di PB JPK melebihi lima (5) tahun.
  - c. *Vocational Education & Training Management (VTM)* - Memiliki DLKM dalam program VTM; dan memiliki salah satu kelayakan berikut iaitu mempunyai pengalaman mengajar program VTM melebihi dua (2) tahun atau menyelia dan mengurus program kemahiran di PB JPK melebihi lima (5) tahun.

### **3.1.4 Pegawai Pengesah Luaran Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPL-PPT)**

Pegawai Pengesah Luaran Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPL-PPT) merupakan personel yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan dan diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk menjalankan verifikasi dan mengesahkan terhadap penilaian yang dilaksanakan oleh PP-PPT. Peranan dan tanggungjawab PP-PPT termasuklah:

- i. Melaksanakan verifikasi terhadap penilaian yang telah dilakukan oleh PP-PPT dan memastikan penilaian dilaksanakan mengikut kriteria kemahiran yang telah ditetapkan.

Syarat perakuan sebagai PPL-PPT adalah seperti berikut:

- i. Merupakan seorang PP-PPT yang masih sah tempoh pengiktirafan; dan
- ii. Telah membuat penilaian sekurang-kurangnya tiga puluh (30) portfolio sepanjang tempoh menjadi PP-PPT dalam program yang berkaitan; atau
- iii. Mempunyai pengalaman sebagai PP-PPT sekurang-kurangnya dua (2) tahun dalam program yang berkaitan;
- iv. Berada pada peringkat penyeliaan / pengurusan /professional bagi program Tahap 4 dan Tahap 5

Nota: Permohonan PPL-PPT bagi Program berkaitan Operasi Latihan Vokasional (VTO, VTE dan VTM) tidak dibuka.

## 4.0 PROSEDUR PERMOHONAN

### 4.1 Secara online

- i. Permohonan boleh dibuat melalui url <https://www.skkm.gov.my/>
- ii. Pemohon perlu membuat pengesahan bahawa setiap butiran maklumat yang diisi adalah butiran benar.
- iii. Permohonan perlu mendapat kebenaran daripada Ketua Jabatan atau Majikan (Sekiranya mempunyai majikan) tempat pemohon berkhidmat dengan memuat turun **Borang Pengesahan dan Kebenaran Majikan (Lampiran 2)**.
- iv. Bagi yang tiada majikan hendaklah mendapat pengesahan tidak mempunyai majikan daripada Pesuruhjaya Sumpah (Lampiran 3 dan 4).
- v. Sekiranya jabatan mendapati permohonan tidak memenuhi kriteria yang telah ditetapkan, permohonan tersebut akan DITOLAK.
- vi. Panduan permohonan boleh dimuat turun daripada url <https://www.skkm.gov.my/>.
- vii. Maklumat lain berhubung jabatan ini boleh dirujuk melalui laman sesawang <http://www.dsdp.gov.my>.

### 4.2 Kategori Permohonan

Permohonan boleh dibuat mengikut kategori permohonan perakuan iaitu:

- i. Personel Baharu
- ii. Tambah Perakuan
- iii. Tambah Program
- iv. Pembaharuan

Berikut ialah keterangan kategori **permohonan**:

- i. **Personel Baharu** – Pemohon yang belum pernah diperaku sebagai Personel Penilaian dan Verifikasi;
- ii. **Tambah Perakuan** – Pemohon yang telah diperaku sebagai Personel Penilaian dan Verifikasi dan memohon tambahan perakuan baharu;
- iii. **Tambah Program** – Pemohon yang telah diperaku sebagai Personel Penilaian dan Verifikasi dan memohon tambahan program bertaualiah untuk perakuan yang telah diperakuan. Tempoh perakuan sedia ada adalah terpakai; dan
- iv. **Pembaharuan** – Permohonan memperbaharui perakuan disebabkan:
  - a. Perakuan sedia ada telah tamat tempoh; atau
  - b. Untuk memohon kelulusan penuh setelah memenuhi syarat yang diberi semasa kelulusan bersyarat.

### 4.3 Permohonan Personel Baharu, Tambah Perakuan dan Tambah Program

Permohonan Personel Baharu, Tambah Perakuan dan Tambah Program hendaklah memuatnaik salinan asal bersama semasa memohon mengikut kategori perakuan yang dimohon seperti berikut:

#### 4.3.1 PPL-SLaPB

- i. Salinan asal Kad Pengenalan;
- ii. Salinan asal bukti pengalaman kerja, penglibatan, pencapaian dan sumbangan bagi tempoh sekurang-kurangnya **10 tahun** dalam bidang kemahiran yang dimohon;
- iii. Salinan asal Sijil Lulus Kursus Induksi PP-PPD-PPB;
- iv. Salinan asal Sijil Lulus Kursus Induksi PPL;
- v. Salinan asal kelayakan kemahiran berikut bagi bidang dimohon ; dan

	<b>Mohon</b>	<b>Lampiran</b>
a.	SKM 1,2,3	Salinan asal SKM Tahap 3 dalam bidang dimohon
b.	DKM	Salinan asal DKM/ Diploma yang diiktiraf kerajaan berkaitan dalam bidang dimohon
c.	DLKM	Salinan asal DLKM/ Ijazah yang diiktiraf kerajaan berkaitan dalam bidang dimohon

- vi. Pemohon yang memohon program berkaitan Operasi Latihan Vokasional (VTO, VTE dan VTM) hendaklah mengemukakan dokumen berikut;

	<b>Mohon</b>	<b>Lampiran</b>
a.	VTO	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Salinan asal SKM program VTO; dan</li> <li>- Salinan asal bukti pengalaman mengajar program VTO lebih 2 tahun; atau mengajar mana-mana bidang kemahiran di PB JPK lebih 5 tahun</li> </ul>
b.	VTE	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Salinan asal DKM program VTE; dan</li> <li>- Salinan asal bukti pengalaman mengajar program VTE lebih 2 tahun; atau menyelia dan mengurus kemahiran di PB JPK lebih 5 tahun.</li> </ul>
c.	VTM	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Salinan asal DLKM program VTM; dan</li> <li>- Salinan asal bukti pengalaman mengajar program VTM lebih 2 tahun; atau menyelia dan mengurus kemahiran di PB JPK lebih 5 tahun.</li> </ul>

- vii. Borang Pengesahan dan Kebenaran Majikan.

Nota : Semua dokumen yang dimuatnaik hendaklah dokumen asal

#### 4.3.2 PPL-SLDN

- i. Salinan asal Kad Pengenalan;
- ii. Salinan asal Bukti pengalaman kerja, penglibatan, pencapaian dan sumbangan bagi tempoh sekurang-kurangnya **10 tahun** dalam bidang kemahiran yang dimohon;
- iii. Salinan asal Sijil Kursus Induksi SLDN;
- iv. Salinan asal Sijil Lulus Kursus Induksi PPL;
- v. Salinan Kelayakan Kemahiran berikut bagi program dimohon; dan

	<b>Mohon</b>	<b>Lampiran</b>
a.	SKM 1,2,3	Salinan SKM Tahap 3 dalam program yang dimohon
b.	DKM	Salinan DKM atau Diploma yang diiktiraf Kerajaan berkaitan dalam program dimohon
c.	DLKM	Salinan DLKM atau Ijazah yang diiktiraf Kerajaan berkaitan dalam program dimohon

- vi. Borang Pengesahan dan Kebenaran Majikan

Nota : Semua dokumen yang dimuatnaik hendaklah dokumen asal

#### 4.3.3 PP- PPT

- i. Salinan asal Kad Pengenalan;
- ii. Salinan asal bukti pengalaman kerja, penglibatan, pencapaian dan sumbangan bagi tempoh sekurang-kurangnya **10 tahun** dalam bidang kemahiran yang dimohon;
- iii. Salinan asal Sijil Lulus Kursus Induksi PP-PPT;
- iv. Salinan asal Kelayakan Kemahiran berikut bagi program dimohon;

	<b>Mohon</b>	<b>Lampiran</b>
a.	SKM 1,2,3	Salinan asal SKM dalam program yang dimohon
b.	DKM	Salinan asal DKM dalam program yang dimohon
c.	DLKM	Salinan asal DLKM dalam program yang dimohon

- v. Pemohon yang memohon program Tahap 4 dan Tahap 5 hendaklah mengemukakan bukti pengesahan berada pada peringkat penyeliaan/ pengurusan; dan
- vi. Pemohon yang memohon program berkaitan Operasi Latihan Vokasional (VTO, VTE dan VTM) hendaklah mengemukakan dokumen berikut;

Mohon	Lampiran
a. VTO	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Salinan asal SKM program VTO; dan</li> <li>- Salinan asal bukti pengalaman mengajar program VTO lebih 2 tahun; atau mengajar mana-mana bidang kemahiran di PB JPK lebih 5 tahun</li> </ul>
b. VTE	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Salinan asal DKM program VTE; dan</li> <li>- Salinan asal bukti pengalaman mengajar program VTE lebih 2 tahun; atau menyelia dan mengurus kemahiran di PB JPK lebih 5 tahun.</li> </ul>
c. VTM	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Salinan asal DLKM program VTM; dan</li> <li>- Salinan asal bukti pengalaman mengajar program VTM lebih 2 tahun; atau menyelia dan mengurus kemahiran di PB JPK lebih 5 tahun.</li> </ul>

vii. Borang Pengesahan dan Kebenaran Majikan

Nota : Semua dokumen yang dimuatnaik hendaklah dokumen asal

#### 4.3.4 PPL-PPT

- i. Salinan asal Kad Pengenalan;
- ii. Salinan asal surat perakuan sebagai PP-PPT;
- iii. Salinan asal bukti melebihi dua (2) tahun pengalaman sebagai PP-PPT dalam program yang dimohon;
- iv. Salinan asal bukti penilaian melebihi tiga puluh (30) portfolio sepanjang tempoh menjadi PP-PPT dalam program yang dimohon;
- v. Salinan bukti berada pada peringkat penyeliaan/ pengurusan/ professional dan perlu melampirkan surat pengesahan majikan bagi pemohon yang memohon program Tahap 4 dan Tahap 5; dan
- vi. Borang Pengesahan dan Kebenaran Majikan.

Nota:

- a. Tiada Permohonan PPL-PPT dibuka bagi Program berkaitan Operasi Latihan Vokasional (VTO, VTE dan VTM);
- b. Semua dokumen yang dimuatnaik hendaklah dokumen asal

## 4.4 Permohonan Pembaharuan

Bagi permohonan pembaharuan, personel dikehendaki memenuhi syarat pada perkara (4.2) dan syarat tambahan seperti berikut;

- i. Lulus Penilaian Pembaharuan.
- ii. Membuat pembaharuan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dan tidak melebihi enam (6) bulan sebelum tamat tempoh perakuan.

### 4.4.1 Penilaian Pembaharuan

Setiap permohonan pembaharuan perakuan Personel Penilaian dan Verifikasi perlu memenuhi syarat tambahan pembaharuan lantikan seperti di Jadual 1.

**Jadual 1 : Syarat tambahan pembaharuan lantikan**

BIL	PERAKUAN	SYARAT TAMBAHAN PEMBAHARUAN
1.	PPL-SLaPB	Lulus Penilaian Pembaharuan
2.	PPL-SLDN	Lulus Penilaian Pembaharuan
3.	PP-PPT	Lulus Penilaian Pembaharuan
4.	PPL-PPT	Lulus Penilaian Pembaharuan

Maklumat berkaitan Penilaian Pembaharuan boleh dirujuk di URL <https://www.skkm.gov.my>.

## 5.0 KELULUSAN

- a) Kelulusan permohonan Personel Penilaian dan Verifikasi (PPV) adalah muktamad dan tertakluk kepada keputusan **Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran**;
- b) Bagi permohonan untuk bidang-bidang yang melibatkan agensi-agensi kawal selia dan penguatkuasaan, pemohon hendaklah memenuhi semua syarat yang ditetapkan oleh agensi-agensi terbabit yang dimaklumkan melalui laman sesawang <http://www.dsd.gov.my>.
- c) Tempoh kelulusan perakuan adalah **tiga (3) tahun** bagi **Personel Baharu, Tambah Jawatan dan Pembaharuan**. Bagi **Tambah Program** tempoh kelulusan terdahulu adalah terpakai sekiranya belum tamat.

## 6.0 PENGANTUNGAN DAN PEMBATALAN PERAKUAN

**Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran** boleh, pada bila-bila masa, mengantung perakuan Personel dalam tempoh siasatan atau membatalkan perakuan mana-mana Personel sekiranya melakukan kesalahan seperti berikut:

1. Mengenakan atau menerima sebarang bayaran atau hadiah daripada mana-mana pihak yang berkepentingan dalam menjalankan tugas yang diarahkan oleh JPK;
2. Menyalahguna kuasa dalam menjalankan tugas yang diarahkan oleh JPK;
3. Mengambil apa-apa dokumen daripada pelatih, calon, perantis, atau pusat latihan bagi kepentingan peribadi;
4. Mengarahkan pelatih, calon, perantis, atau pusat latihan menggunakan mana-mana perunding atau individu bagi tujuan membangunkan portfolio;
5. Membuat pakatan dengan pihak-pihak yang berkepentingan dalam memanipulasi maklumat semasa penugasan;
6. Berkelakuan atau mengeluarkan kata-kata yang boleh menjatuhkan imej Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) ;
7. Mempunyai sebarang rekod jenayah atau sedang dibicarakan oleh mahkamah;
8. Mendedahkan rahsia, soalan, keputusan penilaian, peperiksaan atau pertandingan kepada pelatih, calon, perantis, pusat latihan, peserta, atau pihak yang berkepentingan seperti yang diamanahkan;
9. Membuat penilaian yang tidak adil dalam sesuatu verifikasi, peperiksaan atau pertandingan;
10. Membuat laporan, kenyataan atau tuntutan palsu terhadap mana-mana pihak; atau
11. Atas mana-mana alasan yang munasabah diputuskan oleh Ketua Pengarah.

## 7.0 TARIKH KUATKUASA

Panduan ini berkuatkuasa pada **05 November 2018** dan dengan berkuat kuasanya panduan ini, maka panduan yang terdahulu adalah terbatal.

## Lampiran 1

### Kelayakan Kemahiran Lain Yang Diiktiraf

Berikut merupakan kelayakan kemahiran lain yang diiktiraf: -

Jadual 2: Kelayakan Kemahiran lain yang diiktiraf

<b>Agensi</b>	<b>Kekompetenan</b>	<b>Layak Bagi Program</b>
<b>LLPPKK</b>	Sijil Asas	Tahap 1
	Sijil Pertengahan	Tahap 2
	Sijil Tinggi	Tahap 3

**Lampiran 2**

**BORANG PENGESAHAN DAN KEBENARAN MAJIKAN**

Ketua Pengarah  
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)  
Kementerian Sumber Manusia

Tuan,

**PENGESAHAN PENGALAMAN DAN KEBENARAN UNTUK TERLIBAT SEBAGAI PERSONEL PENILAIAN DAN VERIFIKASI (PPV) JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (JPK)**

Adalah saya, sebagai Majikan kepada .....  
(nama pemohon) ..... (no. kad pengenalan), dengan ini :-

1. Memperakui bahawa pemohon mempunyai pengalaman dalam bidang ..... (namakan bidang) selama ..... tahun dan boleh dirujuk dalam bidang tersebut; dan
2. Memberi KEBENARAN / TIDAK MEMBENARKAN untuk beliau terlibat sebagai Personel Penilaian dan Verifikasi JPK (PP-PPT/ PPL-SLaPB/ PPL-PPT/ PPL-SLDN).

.....

.....

Tandatangan Majikan

Cop Agensi/ Syarikat

Nama Majikan : .....

Jawatan : .....

Tarikh : .....

**Lampiran 3**

**AKTA AKUAN BERKANUN 1960 [SEMAKAN – 1969]**

**BORANG AKUAN**

Saya, ..... No. K/P : .....  
beralamat di .....

..... dengan sesungguh dan sebenarnya mengakui bahawa saya adalah Pemilik Syarikat ..... dengan  
No. Pendaftaran (ROB/ROC) ..... yang beroperasi  
pada ..... tahun ..... beralamat di .....

..... juga mempunyai pengalaman dalam bidang yang dipohon selama ..... tahun  
bermula dari tarikh ..... hingga ..... dan saya  
membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa akuan ini benar, serta menurut kuasa  
peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya  
diakui oleh yang tersebut namanya di atas

..... di ..... di

Negeri .....

Pada ..... haribulan ....., 20.....

Di-hadapan saya,

.....  
(Tandatangan Hakim Mahkamah Seksyen,  
Majistret atau Pesuruhjaya Sumpah)

**Lampiran 4**

**AKTA AKUAN BERKANUN 1960 [SEMAKAN – 1969]**

**BORANG AKUAN**

Saya, ..... No. K/P : .....

beralamat di .....

.....

.....

dengan sesungguh dan sebenarnya mengakui bahawa saya mempunyai pengalaman dalam bidang yang dipohon selama ..... tahun bermula dari tarikh ..... hingga ..... dan saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa akuan ini benar, serta menurut kuasa peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya  
diakui oleh yang tersebut namanya di atas

.....  
di ..... di

Negeri .....

Pada ..... haribulan ....., 20.....

Di-hadapan saya,

.....  
*(Tandatangan Hakim Mahkamah Seksyen,  
Majistret atau Pesuruhjaya Sumpah)*

